

This Commodity Murabahah Current Account-i and Commodity Murabahah Savings Account-i (CM CASA) Terms and Conditions (T&C) ("Terms and Conditions") shall be read together with the RHB Islamic Bank Berhad Account Terms and Conditions. Should there be any inconsistency between this Terms and Conditions and RHB Islamic Bank Berhad Account Terms and Conditions, this Terms and Conditions shall prevail.

1. GENERAL

- 1.1. Commodity Murabahah Current and Savings-i (CM CASA) shall operate in accordance with the Shariah concepts of Commodity Murabahah (cost plus profit) via Tawarruq Arrangement (monetization) whereby the Customer shall appoint RHB Islamic Bank Berhad ("Bank") as agent to do all acts as fully as the Customer could do with respect to the purchase of Shariah compliant goods and commodities in the local markets at the purchase price to be mutually agreed between the Customer and the Bank ("Purchase Price").
- 1.2. This product is offered for the purpose of deposit taking.
- 1.3. Commodity is referring to any commodity as determined by the Bank which is halal and is in compliance with Shariah principles on an "as is where is" basis, without any representations or warranties from the Bank as to the quality, condition, quantity and description and without liability on the part of the Bank for any loss, damage or deterioration ("Commodity").
- 1.4. The transfer of the Commodity shall be evidenced by Commodity E-certificates.
- 1.5. The Bank shall purchase from the Customer the Commodity at a selling price comprising the Purchase Price and the profit on a deferred basis ("Selling Price").
- 1.6. For avoidance of doubt, the tenure of the Selling Price will be the remaining days from deposit placement day until the end of the year ("Tenure").
- 1.7. For Joint-account holders, one account holder's act will be considered as valid act for the operation of the joint-account holder. In the event of death of any of the account holders, the Bank is authorised to pay any credit balance of the joint-account to the survivor(s) subject to compliance (on behalf of another account holder (as his/her agent) in relation to handling required) with the relevant statutory legislation or Shariah laws (as the case may be).
- 1.8. CM CASA is insured by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). For further info on the limit of coverage and others, kindly visit www.pidm.gov.my.

2. APPOINTMENT AS AGENT

- 2.1. The Customer agrees to appoint the Bank and the Bank agrees to accept the appointment as agent of the Customer to do and execute purchase and sale of the Commodity in accordance with these Terms and Conditions and to negotiate with, including but not limited to, the Commodity traders, industrial firms, their suppliers and their clients on behalf of the Customer in relation thereto ("Agent").
- 2.2. The Customer shall not revoke the appointment of the Bank as agent as long as the account remains available. The appointment of the Bank as agent of the Customer shall cease upon closure of the account.
- 2.3. Each transaction will be entered into by the Bank in the name of the Customer on a fully disclosed basis. The Bank as Agent will look after the best interest of the Customer and acts in good faith in performing its obligations and dealing in the transactions.
- 2.4. The Bank shall be authorized to delegate its rights and duties as such Agent herein to any third party to do all acts necessary for the completion of the required transactions.
- 2.5. The Customer shall be held liable for the Trade Transactions (as referred to in item 3) entered into by the Bank as an Agent in accordance with these Terms and Conditions, save and except where such actions, claims, demands, liabilities, losses, damages, costs and expenses arise from the gross negligence, willful misconduct, willful default or fraud of the Agent.
- 2.6. The Customer indemnifies the Bank on its first demand against all losses, claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses whatsoever brought or claimed by any party and/or incurred or sustained by the Bank as a result of the buying and selling of the Commodity under any transaction hereunder as agent of the Customer or a breach by the Customer of any of his/her/their obligations herein. The indemnity given shall survive termination of these Terms and Conditions and any sums payable under it shall not be subject to any deduction whether by way of set off counter claim or otherwise.

- 2.7. The Bank shall not be obliged to enter into any transaction, nor follow any instruction of the Customer, if in the opinion of the Bank by entering into such transaction or following such instruction, the Bank or any of its affiliate would be in contravention or violation of any law, policy, rule or regulation.

3. TRADE TRANSACTIONS

- 3.1. Subject to the provisions herein contained, the Murabahah transactions shall be as follows:
 - a) On any Business Day (as defined below), the Customer shall make deposit placement by depositing the minimum amount required (initial deposit) in order to activate the account.
 - b) By making deposit placement, the Customer hereby appoints the Bank as Agent and instructs the Bank to enter into a purchase transaction to purchase Commodity for an amount equals to the deposit placement during the Tenure ("Purchase Transaction").
 - c) On the next day, Bank as Agent for and on behalf of the Customer, will purchase the Commodity at the Purchase Price from the supplier using the deposited amount.
 - d) After possessing ownership of the Commodity on behalf of the Customer, the Bank as Agent will subsequently sell the commodity to itself at a Selling Price ("Sale Transaction") on deferred payment basis.
 - e) Subject to rebate, the Bank will pay the Selling Price on instalment basis where the profit will be credited monthly and the principal will be paid based on set-off mechanism as stated hereinafter.
 - f) On the last day of the Tenure ("Maturity Date"), the Bank shall pay the outstanding balance of the Selling Price minus rebate (where applicable) under the sale transaction (if any) and subsequently, will make a new Commodity Murabahah via Tawarruq transaction for a new tenure in accordance with the Terms and Conditions herein.
 - g) The Purchase Transaction and the Sale Transaction shall collectively be referred to as Trade Transactions.
 - h) The brokerage/ trading fees to buy and sell the commodity will be borne by the Bank.
- 3.2. Commodity Trading.
The commodity trading will take place on daily basis based on the amount as at Cut-off-time (COT) which will be at 11.59pm. It will be transacted on the following day ("Commodity Trading").
- 3.3. Trading Amount
The Trading Amount will be determined by taking the daily balance of aggregate deposits and withdrawals for the respective day ("Daily Balance"):
 - a) If the daily deposit is larger than daily withdrawal, Commodity Trading would be done on the Daily Balance.
 - b) If daily withdrawal is the same or larger than daily deposit, the trading amount will be nil; no Commodity Trading will take place.
- 3.4. Profit Calculation
Calculation of Selling Price for trading purposes and Actual Profit received by customer will be based on the following formulas:

<p>Selling Price $= \text{Daily Balance of CM CASA} \times (1 + \text{CPR} \% \times \frac{\text{Days}^*}{365})$</p>	<p>**Actual Profit $= \text{Aggregate Balance of CM CASA} \times \text{EPR} \%^{***} \times \frac{1}{365}$</p>
<p><i>*No. of days will be determined based on the remaining days from date of deposit until the end of the tenure (Profit crediting will be done on monthly basis). CPR: Contracted Profit Rate CPR is used as the ceiling rate to determine the Selling Price. Current CPR is at 4.0 %.</i></p>	<p><i>** Actual Profit accrued daily and will be credited to customer account on monthly basis. ***Effective Profit Rate (EPR) will differ based on the respective products</i></p>

- 3.5. Rebate (Ibra')
The Customer agrees to give rebate based on the following formula events:
- a) If daily withdrawal is greater than daily deposit:
$$\text{Daily balance} \times \text{CPR} \times \frac{\text{Days}^*}{365}$$
 - b) When EPR is lower than CPR
$$\text{Aggregate Balance of CM CASA} \times (\text{CPR}-\text{EPR}) \times \frac{\text{Days}^{**}}{365}$$
 - c) If there is any change in CPR
$$\text{Aggregate Balance of CM CASA} \times \text{Previous CPR} \times \frac{\text{Days}^{***}}{365}$$

*The remaining days from date of withdrawal until maturity date
** The days from deposit placement until profit crediting day
*** The remaining days from new CPR until maturity date.
- 3.6. Notification of Completed Trading
The Customer will be notified on transacted amount, date of transaction and entitled profit rate through their respective bank statements.
- 3.7. Set-off mechanism due to new deposit and withdrawal
New deposits and withdrawals will be set-off daily against each other during the COT. In the event the daily withdrawal is greater than the daily deposit, the payment of the Selling Price will be accelerated and set-off against relevant withdrawal amount. Notwithstanding the above, once the Customer has instructed the Bank to enter into a Purchase Transaction and the Customer fails to effect payment of the Purchase Price of the Commodity on the relevant purchase date, the Customer shall bear all actual losses and indemnify the Bank pursuant to Item 2.5 above.
- 3.8. Account Transactions
- a) In the event the Customer makes deposit placement via cheque, the Bank shall advance its own money for the purpose of Commodity Trading prior to cheque clearing. The amount advanced by the Bank shall be set-off against the clearing amount made available thereafter.
 - b) Bank to auto renew customer's account upon the expiry of each maturity date.
 - c) Customer may make any permissible transactions such as deposit, withdrawal or transfer through any of the following methods: Over the counter (OTC), ATM, internet banking, mobile banking or any other facility available by the Bank.
- 3.9. For the purposes of these Terms and Conditions, the expression "Business Day" means a day (excluding Saturday, Sunday and Public Holiday) which the Bank are open for business in Malaysia.

4. PROFIT PAYMENT TO CHARITY

- 4.1. The Customer is given an option to donate certain percentage of Customer's profit earned from their CM CASA to charity.
- 4.2. For the purpose of profit payment to charity, the Customer hereby appoints and authorizes the Bank as agent to channel the profit portion to the selected CB on the Bank's profit crediting day as per agreed percentage.
- 4.3. Customer to confirm and select the following:-
 - a) Percentage of the profit payment to channel to charity: _____
 - b) Selection of charitable bodies (as per Appendix1) ("Charitable Bodies")
- 4.4. The Customer agrees to donate to charity based on the following formula:

$$\text{Profit from CM CASA} \times \text{Percentage of profit payment (\%)} = \text{Profit to be credited into CB's account.}$$

- 4.5. The Customer will be notified on amount that has been channelled to charity through their respective bank statement.

- 4.6. The list of appointed Charitable Bodies will go through a screening process and periodic Shariah review to avoid non-Shariah compliant elements. In any event, the Bank shall not be held liable if any of the selected Charitable Bodies is found to be involved in non-Shariah compliant activities.

5. MISCELLANEOUS

- 5.1. Where there are 2 persons included or comprised in the expression "the Customer", these Terms and Conditions shall be binding upon such persons jointly and severally.
- 5.2. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and each of the parties hereto irrevocably submits to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.
- 5.3. Both the Bank and the Customer hereby irrevocably agree and acknowledge that as at the date hereof, these Terms and Conditions, the underlying structure herein and the Trade Transactions are Shariah compliant. Accordingly, each of the parties hereto agrees that it shall not henceforth raise any dispute in relation to the Shariah compliancy of these Terms and Conditions and the Trade Transactions.
- 5.4. Subject to the Item 4.3 above, both the Bank and the Customer hereby agree and acknowledge that if, following the date hereof, any question arises concerning a Shariah matter in any proceedings before any court or arbitrator in relation to these Terms and Conditions and the Trade Transactions, such question shall be referred to the Shariah Advisory Council established under subsection 52 (1) of the Central Bank of Malaysia Act 2009 for its ruling, whose decision shall be final and binding upon the parties to these Terms and Conditions and the Trade Transactions and the parties shall take all steps necessary to cause/procure the court or arbitrator to refer to such question to the Shariah Advisory Council.
- 5.5. It is agreed and acknowledged that these Terms and Conditions and each Trade Transaction is not intended to be, and shall not be, governed by the rules of the local Commodity exchange on which such Commodity are traded (as the same may be supplemented or amended from time to time) and is considered as an OTC contract.
- 5.6. Time wherever mentioned shall be of the essence.
- 5.7. Customer undertakes to promptly advise the Bank of any changes that may directly or indirectly affect the operation of the account including but not limited to change of name, address, contact details or other particulars of the account holders or account by giving written notice to the Bank, failing to do so entitles the Bank to rely on the last known information registered with the Bank.
- 5.8. In correspondence with the Unclaimed Moneys Act 1965 (revised 2002), the moneys in the operating account under Automatic Renewal shall be categorized as Unclaimed Moneys if the operating account is not operated for a period of seven (7) years from date of deposit or date of last transaction, whichever is later.

6. ACCEPTANCE OF TERMS AND CONDITIONS

I/We, the undersigned hereby confirm that I/We have read the Terms and Conditions set out above and taken note of the same.

.....

Name:
NRIC No:
Date:

.....

Name:
NRIC No:
Date:

Terma dan Syarat Akaun-i Semasa dan Akaun-i Simpanan Komoditi Murabahah (CM CASA) ("Terma dan Syarat") ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan Terma dan Syarat Akaun RHB Islamic Bank Berhad. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan diantara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Akaun RHB Islamic Bank Berhad, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

1. UMUM

- 1.1. Akaun Semasa dan Simpanan-i Komoditi Murabahah (CM CASA) akan beroperasi sesuai dengan konsep Syariah iaitu Komoditi Murabahah (kos tambah keuntungan) melalui pengaturan Tawarruq di mana Pelanggan melantik RHB Islamic Bank Berhad ("Bank") sebagai ejen untuk menjalankan aktiviti sebaik-baiknya sepertimana apabila Pelanggan melakukannya sendiri untuk membeli barang-barang dan komoditi berasaskan Syariah di pasaran tempatan pada harga belian dan dipersetujui oleh kedua-dua Pelanggan dan Bank ("Harga Belian").
- 1.2. Produk ini ditawarkan bagi tujuan pengambilan deposit.
- 1.3. Komoditi merujuk kepada mana-mana komoditi ditentukan oleh Bank yang halal dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam keadaan "sepertimana sedia ada", tanpa apa-apa perwakilan atau waranti daripada Bank berkenaan kualiti, keadaan, bilangan dan deskripsi dan tanpa liabiliti kepada pihak Bank bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan. ("Komoditi").
- 1.4. Pemindahan komoditi hendaklah dibuktikan melalui E-sijil Komoditi.
- 1.5. Bank akan membeli Komoditi daripada Pelanggan pada harga jualan tertanggung yang terdiri daripada Harga Belian dan keuntungan ("Harga Jualan").
- 1.6. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, tempoh Harga Jualan adalah baki hari dari hari peletakan deposit hingga hari terakhir bagi tahun tersebut ("Tempoh").
- 1.7. Untuk pemegang akaun bersama, tindakan seorang pemegang akaun akan dianggap sebagai sah dalam mengendalikan akaun bersama tersebut. Sekiranya berlaku kematian mana-mana pemegang akaun, pihak Bank dibenarkan membayar sebarang baki kredit akaun bersama kepada pemegang akaun yang masih hidup tertakluk kepada pematuhan (bagi pihak pemegang akaun yang satu lagi)(sebagai Ejen) berhubung dengan pengendalian yang diperlukan dengan undang-undang statutori yang berkenaan atau undang-undang Syariah (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- 1.8. Akaun Semasa dan Simpanan-i Komoditi Murabahah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan lain-lain, sila layari www.pidm.gov.my.

2. PERLANTIKAN SEBAGAI EJEN

- 2.1. Pelanggan bersetuju untuk melantik pihak Bank dan pihak Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai Ejen Pelanggan untuk melakukan dan melaksanakan pembelian dan penjualan Komoditi mengikut Terma dan Syarat dan untuk berunding dengan pedagang Komoditi, firma industri, pembekal mereka ("Pembekal") dan klien mereka bagi pihak Pelanggan yang mana berkaitan ("Ejen").
- 2.2. Pelanggan tidak boleh membatalkan pelantikan Bank sebagai Ejen selagi akaun masih aktif. Pelantikan Bank sebagai Ejen akan tamat dengan penutupan akaun Pelanggan.
- 2.3. Setiap transaksi akan dilaksanakan oleh pihak Bank atas nama Pelanggan secara telus. Sebagai Ejen Pelanggan, pihak Bank akan memastikan kepentingan terbaik Pelanggan dan melaksanakan tanggungjawab dan berurusan dalam transaksi dengan niat baik.
- 2.4. Pihak Bank juga diberi kuasa untuk mewakili hak dan tanggungjawab sebagai Ejen kepada pihak ketiga untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menyelesaikan urusan niaga yang diperlukan.
- 2.5. Pelanggan akan bertanggungjawab bagi Transaksi Perdagangan (seperti yang disebut dalam butiran 3) yang dilaksanakan oleh pihak Bank sebagai Ejen selaras dengan Terma dan Syarat ini, kecuali jika apa-apa tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada kecuaihan, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan daripada Ejen.

- 2.6. Pelanggan akan membayar pihak Bank untuk permintaan pertama terhadap segala kerugian, tuntutan, tindakan undang-undang, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa pun yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank hasil dari pembelian dan penjualan Komoditi di bawah transaksi di sini sebagai Ejen kepada Pelanggan atau pelanggaran perjanjian oleh Pelanggan atas mana-mana kewajibannya di sini. Ganti rugi yang diberikan akan berkekalan walaupun Terma dan Syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang dibayar tidak akan tertakluk kepada apa-apa potongan, penolakan, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 2.7. Bank tidak diwajibkan untuk membuat mana-mana transaksi atau mengikut mana-mana arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapat Bank dengan membuat transaksi tersebut atau mengikut arahan tersebut, Bank atau mana-mana pihak yang berkenaan dengannya akan melanggar mana-mana undang-undang, polisi dan peraturan.

3. TRANSAKSI PERDAGANGAN

- 3.1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di sini, Transaksi Murabahah adalah seperti berikut:
 - a) Pada mana-mana Hari Kerja (seperti mana ditakrifkan di bawah), Pelanggan hendaklah membuat peletakan deposit dengan mendepositkan jumlah minimum yang diperlukan (deposit awal) untuk mengaktifkan akaun.
 - b) Dengan membuat peletakan deposit, Pelanggan dengan ini melantik Bank sebagai Ejen dan mengarahkan Bank untuk membuat transaksi pembelian komoditi bagi amaun bersamaan dengan amaun deposit bagi sepanjang tempoh peletakan.
 - c) Pada keesokan harinya, Bank sebagai Ejen dan bagi pihak Pelanggan, akan membeli komoditi pada harga belian daripada pembekal menggunakan amaun yang telah didepositkan.
 - d) Selepas mendapatkan pemilikan Komoditi bagi pihak Pelanggan, pihak Bank sebagai Ejen Pelanggan kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada dirinya pada Harga Jualan Tertanggung ("Transaksi Jualan").
 - e) Bank akan membayar Harga Jualan secara ansuran di mana keuntungan akan dikreditkan setiap bulan dan prinsipal akan dibayar berdasarkan mekanisme tuntutan balas seperti yang akan dinyatakan kemudian. Tertakluk kepada rebat.
 - f) Pada hari terakhir tempoh peletakan ("Tarikh Matang"), Bank hendaklah membayar baki tertunggak Harga Jualan tolak rebat (jika berkenaan) dan seterusnya membuat transaksi Tawarruq yang baru bagi amaun deposit untuk tempoh baru mengikut Terma dan Syarat ini.
 - g) Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan.
 - h) Bayaran broker / perdagangan untuk membeli dan menjual komoditi akan ditanggung oleh Bank.
- 3.2. Dagangan Komoditi.
 Dagangan komoditi akan diadakan pada setiap hari berdasarkan jumlah yang ada pada penghujung hari (COT) iaitu pada pukul 11.59 malam dan jumlah tersebut akan didagangkan pada hari berikutnya ("Dagangan Komoditi").
- 3.3. Amaun Dagangan
 Amaun dagangan akan ditentukan dengan mengambil agregat baki harian deposit dan jumlah pengeluaran untuk hari berkenaan ("Baki Harian"):
 - a) Jika deposit harian adalah lebih besar daripada pengeluaran harian, dagangan komoditi akan dilakukan ke atas baki harian.
 - b) Jika pengeluaran harian adalah sama atau lebih besar daripada jumlah deposit bagi hari tersebut, jumlah dagangan akan menjadi tiada maka tiada dagangan komoditi yang akan berlaku.

3.4. Pengiraan Keuntungan

Pengiraan Harga Jualan untuk tujuan perdagangan dan Keuntungan Sebenar yang diterima oleh pelanggan adalah berdasarkan formula berikut:

<p>Harga Jualan = $Baki\ Harian\ CM\ CASA \times (1 + CPR\ \% \times (Jumlah\ Hari / 365))$</p>	<p>**Keuntungan sebenar = $Baki\ Agregat\ CM\ CASA \times EPR\ \%^{***} \times (1/365)$</p>
<p><i>*Bilangan hari akan ditentukan berdasarkan pada baki hari dari tarikh peletakan deposit sehingga hari akhir tempoh peletakan. (Pengkreditan keuntungan akan dilakukan pada setiap bulan). CPR: Kadar Keuntungan Kontrak CPR digunakan sebagai kadar siling untuk menentukan Harga Jualan. CPR semasa ialah 4.0%.</i></p>	<p><i>** Keuntungan sebenar akan diaku setiap hari dan akan dikreditkan ke akaun pelanggan setiap bulan. ***Kadar Keuntungan Efektif (EPR) adalah berbeza mengikut produk masing-masing.</i></p>

3.5. Rebat (Ibra')

Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat berdasarkan formula yang berikut:

- a) Jika pengeluaran harian lebih besar dari deposit harian:
 $Baki\ Harian \times CPR \times (Bilangan\ Hari^* / 365)$
 - b) Apabila EPR lebih rendah daripada CPR
 $Baki\ Agregat\ CM\ CASA \times (CPR - EPR) \times (Bilangan\ Hari^{**} / 365)$
 - c) Jika ada perubahan pada CPR
 $Baki\ Agregat\ CM\ CASA \times CPR\ terdahulu \times (Bilangan\ Hari^{***} / 365)$
- *Baki hari dari tarikh pengeluaran sehingga tarikh matang
 ** Dari hari peletakan deposit hingga hari pengkreditan keuntungan
 *** Baki hari dari CPR baru hingga tarikh matang.*

3.6. Pemberitahuan Penyempurnaan Dagangan

Pelanggan akan dimaklumkan melalui penyata bank berkenaan jumlah transaksi, tarikh transaksi dan kadar keuntungan yang mereka layak.

3.7. Mekanisma Tuntutan balas disebabkan oleh deposit baru dan pengeluaran

Deposit baru dan pengeluaran setiap hari akan ditolak antara satu sama lain semasa COT. Sekiranya pengeluaran harian adalah lebih besar daripada deposit harian, pembayaran Harga Jualan akan dipercepatkan dan ditolak dengan amaun pengeluaran yang relevan.

Meskipun di atas, sebaik sahaja Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan Pelanggan telah gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Belian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, Pelanggan harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar ganti rugi kepada Bank sepertimana tercatat dalam perkara 2.5 di atas.

3.8. Transaksi Akaun

- a) Sekiranya Pelanggan membuat deposit melalui cek, Bank hendaklah mendahulukan wang sendiri untuk tujuan Dagangan Komoditi sebelum selesai penjelasan cek. Jumlah yang didahulukan oleh Bank akan ditolak daripada jumlah penjelasan selepas itu.
- b) Bank akan memperbaharui akaun pelanggan secara automatik selepas tamat setiap tarikh matang.
- c) Pelanggan boleh membuat apa-apa transaksi yang dibenarkan seperti deposit, pengeluaran atau pemindahan melalui mana-mana kaedah berikut: Melalui kaunter (OTC), ATM, perbankan internet, perbankan mudah alih atau apa-apa kemudahan lain yang disediakan oleh Bank.

3.9. Bagi maksud Terma dan Syarat ini, ungkapan "Hari Perniagaan" bermaksud hari (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum) di mana Bank dibuka untuk perniagaan di Malaysia.

4. PENYALURAN KEUNTUNGAN KEPADA AMAL KEBAJIKAN

- 4.1. Pelanggan diberi pilihan untuk menyalurkan peratusan tertentu keuntungan yang diperoleh daripada CM CASA mereka kepada amal kebajikan.
- 4.2. Bagi tujuan penyaluran keuntungan kepada amal kebajikan, Pelanggan dengan ini melantik dan memberi kuasa kepada Bank sebagai ejen untuk menyalurkan bahagian keuntungan yang diperolehi kepada Badan Amal pada hari pengkreditan keuntungan Bank berdasarkan peratusan yang telah dipersetujui.
- 4.3. Pelanggan perlu mengesahkan dan memilih perkara yang berikut:-
 - a) Peratusan keuntungan untuk disalurkan kepada amal kebajikan : _____
 - b) Pemilihan badan-badan Amal (seperti Lampiran 1) ("Badan-badan Amal")
- 4.4. Pelanggan bersetuju untuk memberikan kepada amal kebajikan berdasarkan formula berikut:

$$\text{Keuntungan dari CM CASA} \times \text{Peratusan pembayaran keuntungan (\%)} = \text{Untung dikreditkan ke dalam akaun Badan Amal}$$

- 4.5. Pelanggan akan dimaklumkan mengenai jumlah bahagian keuntungan yang telah disalurkan kepada amal kebajikan menerusi penyata bank mereka.
- 4.6. Senarai badan kebajikan akan melalui proses saringan dan semakan berkala oleh Syariah untuk mengelak unsur-unsur tidak patuh Syariah. Di dalam apa-apa keadaan sekalipun, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya badan kebajikan yang dipilih didapati terlibat dengan aktiviti tidak patuh Syariah.

5. LAIN- LAIN

- 5.1. Apabila terdapat dua orang termasuk atau terkandung dalam ungkapan "Pelanggan", Terma dan Syarat ini akan mengikat individu-individu tersebut secara bersama-sama dan berasingan.
- 5.2. Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan difafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan setiap pihak yang terlibat tidak boleh menarik balik serahan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
- 5.3. Kedua-dua Bank dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan tidak boleh menarik balik persetujuan dan mengakui bahawa pada tarikh perjanjian ini, Terma dan Syarat ini, struktur yang mendasarinya dan Transaksi Perdagangan adalah berlandaskan Syariah. Oleh kerana itu, masing-masing bersetuju bahawa mereka tidak akan membangkitkan sebarang perselisihan berhubung pematuhan Syariah ke atas Terma dan Syarat dan Transaksi Perdagangan.
- 5.4. Tertakluk kepada perkara 4.3 di atas, kedua-dua Bank dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa, jika selepas tarikh perjanjian ini, terdapat apa-apa pertanyaan yang timbul mengenai perkara yang melibatkan Syariah dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan Transaksi Perdagangan, pertanyaan berkenaan akan dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 52(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk keputusannya, yang mana keputusan tersebut adalah muktamad dan mengikat semua pihak untuk Terma dan Syarat ini dan Transaksi Perdagangan dan kedua-dua pihak patut mengambil semua langkah yang perlu untuk menyebabkan/mendapatkan mahkamah atau penimbang tara merujuk pertanyaan tersebut kepada Majlis Penasihat Syariah.
- 5.5. Dipersetujui dan diakui bahawa Terma dan Syarat ini dan setiap Transaksi Perdagangan tidak dimaksudkan untuk menjadi, dan tidak akan ditadbir oleh Peraturan Pertukaran Komoditi tempatan di mana Komoditi tersebut didagangkan (termasuk peraturan yang ditambah atau diubah dari semasa ke semasa) dan dianggap sebagai kontrak melalui kaunter.
- 5.6. Apa-apa yang berkaitan dengan masa adalah sangat diutamakan dalam Terma dan Syarat ini.
- 5.7. Pelanggan berjanji untuk segera menasihati bank jika terdapat apa-apa perubahan yang secara langsung atau tidak langsung boleh memberi kesan kepada operasi akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan nama, alamat, butiran perhubungan atau butiran lain pemegang akaun atau akaun dengan memberi notis bertulis kepada Bank. Kegagalan

berbuat demikian, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada maklumat terakhir diketahui yang berdaftar dengan bank.

5.8. Dalam penyelarasan dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (pindaan 2002), wang dalam akaun operasi dibawah Pembaharuan Automatik boleh dikategorikan sebagai Wang Tak Dituntut jika akaun operasi tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun dari tarikh deposit atau tarikh urusaniaga yang terakhir yang mana kemudian.

6. PENERIMAAN TERMA DAN SYARAT

Saya / Kami, yang bertandatangan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa Saya / Kami telah membaca Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas dan mengambil perhatian yang sama.

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh:

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: